

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

PDP 427 - Kaedah Mengajar Sejarah II

Masa : [3 jam]

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja.

1. Tugas utama guru mata pelajaran sejarah adalah membimbing pelajar-pelajar untuk membentuk kemahiran "PEMIKIRAN SEJARAH" dalam proses pengajaran-pemelajaran. Mengapa dan bagaimanakah hal ini dilaksanakan. Beri contoh-contoh.
(100 markah)
2. Salah satu kaedah mengajar yang menarik dan sesuai dalam proses pengajaran-pemelajaran mata pelajaran sejarah ialah KAEDAH INKUIRI. Apakah kelebihan kaedah ini dalam sejarah. Bagaimanakah guru merancangkan kaedah ini dalam proses pengajaran-pemelajaran. Beri contoh-contoh.
(100 markah)
3. Salah satu proses pengajaran-pemelajaran yang menarik adalah proses berhujah bersama-sama berdasarkan kepada fakta dan bukti dalam menentukan kefahaman. Ini boleh dikatakan sebagai proses komunikasi dua hala yang berkaitan rapat dengan prinsip-prinsip komunikasi yang efektif. Bagaimanakah proses dan prinsip komunikasi ini dapat dilaksanakan dalam pengajaran-pemelajaran sejarah. Beri contoh-contoh.
(100 markah)
4. Dalam merancang satu-satu topik pengajaran sejarah, guru perlulah mengolah isi pelajaran kepada ISI UTAMA, ISI SOKONGAN dan ISI TAMBAHAN supaya sesuai dengan keupayaan pelajar.

Dengan berpandukan kepada satu topik pengajaran di tingkatan empat (KBSM), buatkan satu pengolahan isi dan beri penjelasan yang munasabah.

(100 markah)

- oooOooo -